

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 APRIL 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

17.65 juta rakyat sudah daftar, kemas kini PADU

17.65 juta rakyat sudah daftar, kemas kini PADU

Perancangan penyusunan semula subsidi dibentangkan kepada Jemaah Menteri bulan ini

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas, sudah mendaftar dan mengemaskini profil masing-masing dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) selepas ia ditutup tengah malam kelmarin.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata jumlah itu menjadikan 17.65 juta atau 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat, termasuk ahli isi rumah bawah 18 tahun berjaya dikemaskini di sistem PADU.

Sehubungan itu kata beliau, berdasarkan data berkenaan, Kementerian Ekonomi akan membentangkan perancangan



Pendaftaran dan pengemaskinian PADU ditutup tengah malam kelmarin.

(Foto hiasan)

penyusunan semula subsidi kepada jemaah Menteri bulan ini.

"Sebarang pengumuman berkenaan hal ini akan diumumkan kerajaan pada masa akan datang," katanya dalam kenyataan semalam.

Pendaftaran dan pengemaskinian PADU ditutup tengah malam kelmarin, selepas ia mula dibuka kepada orang ramai sejak 2 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Rafizi ber-

kata, bagi mereka yang tidak berjaya mendaftar dan mengemaskini profil di PADU, data pentadbiran yang sedia ada mencukupi dan akan digunakan untuk kerajaan menentukan kelayakan individu bagi tujuan penyusunan semula subsidi.

"Sekiranya ada keperluan, kementerian akan umumkan pembukaan semula PADU untuk tempoh yang singkat bagi pendaftaran dan pengemaskinian,

selepas kerajaan membuat keputusan bentuk dan mekanisme subsidi bersasar," katanya.

Perlis rekod tertinggi

Berdasarkan rekod pendaftaran dan pengemaskinian PADU mengikut negeri, Rafizi berkata, Perlis merekodkan peratusan tertinggi dengan 66.9 peratus diikuti Kelantan (65.2 peratus), Terengganu (62.7 peratus) serta Perak, 60.3 peratus.

☁ Sekiranya ada keperluan, kementerian akan umumkan pembukaan semula PADU untuk tempoh yang singkat bagi pendaftaran dan pengemaskinian, selepas kerajaan membuat keputusan bentuk dan mekanisme subsidi bersasar

Rafizi Ramli,
Menteri
Ekonomi



Sementara negeri yang mencatatkan peratusan pendaftaran dan kemas kini di bawah 50 peratus adalah Johor dengan 48.4 peratus, Selangor (44.5 peratus), Sarawak (46.7 peratus) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 47.6 peratus.

"Saya mengucapkan penghargaan kepada semua rakyat yang sudah mengambil inisiatif untuk mendaftar PADU.

"Komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bagi juga ditunjukkan oleh pasukan PADU sejak hari pertama pendaftaran dibuka hingga pendaftaran ditutup," katanya.